



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2) 1971

DR.81/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2), 1971. Tajok
rengkas.
2. Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 ada-lah Pindaan.
25/59. dengan ini di-pinda sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini.

JADUAL

(Sekshen 2)

(Pindaan² kapada Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959)

1. Sekshen 2—

Masokkan perkataan “and” di-antara perkataan² “Chairman” dan “Vice-Chairman” yang terdapat dalam baris kedua dalam ta’arif “member” dan potong perkataan “and an alternate member” yang terdapat dalam baris ketiga.

2. Sekshen 4—

Gantikan sekshen 4 dengan yang berikut:

“Constitution
of the Board.”

4. (1) The Board shall consist of the following members:
 - (a) A Chairman who shall be appointed by the Minister;
 - (b) The Secretary-General of the Ministry of Education;
 - (c) The Director-General of Education;
 - (d) A representative of the Treasury appointed by the Minister of Finance;
 - (e) One person appointed by the Conference of Rulers; and

(f) Not more than 10 persons appointed by the Minister who in his opinion possess wide knowledge or have gained extensive experience in any field of activities which can be beneficial to the Board.

(2) The Minister may appoint any member of the Board to be Vice-Chairman of the Board.

(3) The Board may appoint a Secretary under section 14 who shall not be member of the Board.

(4) Subject to the provisions of this Ordinance, every member shall hold office for a term not exceeding three years from the date of his appointment and shall be eligible for reappointment.

(5) Any member who without reasonable cause absents himself from three consecutive meetings of the Board and of any of its committees of which he is a member and any member who has been found or declared to be of unsound mind or has become bankrupt or made an arrangement with his creditors or has been sentenced to imprisonment shall be deemed to have vacated office.

(6) The appointor concerned may at any time revoke the appointment of any member if he thinks it expedient so to do without assigning any reason therefor.

(7) The appointor concerned may at any time accept the resignation of any member.

(8) If any vacancy occurs by death, absence, insanity, bankruptcy, resignation or otherwise, the appointor concerned may appoint a person to fill such vacancy for the unexpired period of office of the member in respect of whom the vacancy occurred.

(9) The appointor may appoint any suitable person to act as a member of the Board during the continued illness, incapacity or absence from the Federation of any member."

3. Sekshen 5—

(a) Gantikan koma bernoktah yang terdapat di-akhir perenggan (iv) dengan suatu noktah; dan

(b) Potong perenggan (v).

4. Sekshen baru 5A—

Masokkan yang berikut sa-lepas sahaja sekshen 5—

"Duties and powers of the Board.

5A. (1) It shall be the duty of the Board to formulate and implement policies in the carrying out of its objects.

(2) The Board may, with the approval of the Minister, delegate subject to such conditions and restrictions as it may be considered necessary, the exercise of all or any of the powers or the performance of all or any of the duties conferred upon it by or under this Ordinance to the Director-General appointed under section 14 of this Ordinance."

5. Sekshen 7—

Gantikan perkataan “eight” yang terdapat dalam baris kedua dalam sekshen-kecil (1) dengan perkataan “five”.

6. Sekshen 15—

(a) Gantikan titik dua yang terdapat sa-lepas perkataan “Director-General” dalam baris ke-tujuh dalam sekshen-kecil (1) dengan noktah;

(b) Potong syarat kepada sekshen-kecil (1); dan

(c) Potong sekshen-kecil (2).

7. Sekshen 26—

(a) Masokkan yang berikut sa-lepas sahaja sekshen-kecil (d) “(e) providing procedure for the control and management of the Fund established under section 16 of this Ordinance”; and

(b) Nomborkan sa-mula perenggan (e) yang ada sa-bagai perenggan (f).

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda peruntukan² tertentu dalam Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959.

2. Dengan meminda sekshen 4, Lembaga ada-lah di-susun sa-mula supaya ahli²-nya boleh termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran, sa-orang ahli yang akan di-lantek oleh Majlis Raja-Raja dan sa-puluh orang lain yang akan di-lantek oleh Menteri yang sekarang ini di-beri budibichara yang lebeh luas dalam perlantekan.

3. Perenggan (v) sekshen 5 ada-lah di-potong oleh kerana maksud-nya telah terchapai dan tambahan pula tujuan-nya telah pun di-liputi oleh perenggan (i).

4. Kemasokkan sekshen baharu 5A ia-lah untuk menyatakan dengan jelas kewajipan² dan kuasa² Lembaga dan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mewakilkan mana² daripada kuasa-nya di-bawah Ordinan itu.

5. Dengan meminda sekshen 7 koram di-kurangkan sekarang ini kepada lima.

6. Syarat kepada sekshen 15 (1) tidak lagi di-anggap perlu memandang kepada kuasa² Lembaga mewakilkan kuasa² dan kewajipan²-nya di-bawah sekshen baharu 5A (2).

7. Pindaan kepada sekshen 26 ia-lah untuk memberi kuasa kepada Lembaga, dengan persetujuan Menteri, membuat peratoran berhubung dengan achara mengawal dan mengurus Kumpulanwang Dewan Bahasa dan Pustaka.

8. Pindaan² kepada sekshen 2 dan 15 (2) ada-lah berbangkit dari pindaan² tersebut di-atas. [P.N. (U²) 223.]